



IKLAN PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) di pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar seperti berikut :

A. JAWATAN

JAWATAN	KEPERLUAN
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) (Setara SPM)	LELAKI SAHAJA

B. SYARAT LANTIKAN

1. JAWATAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
(Setara SPM)

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

- (ii) Memiliki Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (iii) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iv) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (d) Keutamaan adalah kepada calon yang memiliki pengalaman dalam bidang Landskap.**

DESKRIPSI TUGAS	
Menjalankan tugas-tugas seperti berikut :	
a) Penyelenggaraan	Bertanggungjawab dalam tugas-tugas penyelenggaraan kawasan Majlis seperti aktiviti penebangan pokok, mesin rumput, pembersihan semak-samun, penyiraman pokok dan sebagainya.
b) Perkhidmatan sewaan pokok hiasan	<p>Memastikan pokok-pokok hiasan sentiasa berada dalam keadaan baik.</p> <p>Memastikan stok pokok hiasan sentiasa mencukupi untuk menampung jumlah sewaan daripada majlis-majlis rasmi.</p> <p>Bertanggungjawab dalam proses penyediaan pokok hiasan bagi setiap sewaan daripada majlis-majlis rasmi. Proses penyediaan dan hiasan melibatkan sebelum, semasa dan selepas majlis.</p>
c) Tapak semaian	Aktiviti cantasan, membaja, merumpai, menyiram, semaian anak pokok, penanaman pokok, penyemaian benih dan sebagainya.

C. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

1. Iklan kekosongan jawatan ini boleh dilihat dalam portal rasmi Majlis Perbandaran Kangar,Perlis dengan melayari mpkangar.gov.my sahaja.
2. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang PABMS/MPK.PS-12-R1** yang boleh didapati dalam portal rasmi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis.
3. Semua borang permohonan jawatan perlu disertakan bersama salinan sijil/dokumen-dokumen yang telah **disahkan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 ke atas** seperti berikut :
 - i) *Resume*;
 - ii) Kad Pengenalan (depan dan belakang);
 - iii) Sijil Kelahiran;
 - iv) Sijil Berhenti Sekolah;
 - v) Sijil-Sijil Akademik (Sijil PMR/SPM/Diploma/Ijazah atau kelayakan yang setaraf dengannya dalam bidang yang berkaitan);
 - vi) Sijil Kegiatan Luar (jika ada); dan
 - vii) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon atau pengesahan kemahiran yang berkaitan.
4. Pemohon juga dikehendaki membawa dokumen-dokumen (asal) semasa menghadiri temuduga tersebut.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN

Tarikh tutup permohonan jawatan kosong bagi jawatan tersebut **dilanjutkan sehingga 14 Januari 2024 (Selasa) sebelum jam 4.30 petang.**

E. ALAMAT PERMOHONAN

1. Permohonan yang lengkap diisi berserta salinan/dokumen yang telah disahkan hendaklah di alamatkan dan disampaikan kepada :

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS,
NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS,
01000 KANGAR,
PERLIS.
(u.p. : Jabatan Korporat dan Sumber Manusia)**

2. Sila tuliskan 'nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.

F. MAKLUMAT AM

1. Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya :
 - (i). Tidak menggunakan Borang PABMS/MPK PS-12-R1.
 - (ii). Tidak menyertakan salinan dokumen/Sijil yang disyaratkan.
 - (iii). Menyertakan salinan dokumen/Sijil yang tidak dibuat pengesahan.
 - (iv). Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tulisan tidak terang / jelas.
 - (v). Memohon jawatan yang tidak diiklankan.
 - (vi). Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan.
 - (vii). Borang permohonan tidak ditandatangani.
 - (viii). Borang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan; dan
2. Hanya calon yang layak akan dipanggil untuk ditemuduga.
3. Segala perbelanjaan berhubung permohonan ini dan bagi menghadiri temuduga sekiranya dipilih untuk peringkat tersebut tidak akan ditanggung oleh Majlis Perbandaran Kangar, Perlis.
4. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Iklan Disiarkan : 24 Disember 2024 (Selasa)